

SOALAN NO. 51**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TAN SRI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN MUSA
[KETEREH]**

TARIKH : 12 MAC 2018

SOALAN :

YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Musa [Keterah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana pelaksanaan aku janji Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat terus tercapai 100 peratus dalam tempoh yang telah disasarkan dan sehingga kini, apakah kekangan yang dihadapi bagi merealisasikan hasrat ini secara total.

133

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hampir semua Aku Janji Kerajaan telah pun berjaya ditunaikan. Antara manfaat langsung yang telah diterima oleh rakyat adalah kenaikan kadar BR1M sehingga RM1,200, penyediaan 19 buah pusat dialisis baharu di klinik kesihatan dan hospital awam terpilih, 13 buah kemudahan rehat sementara untuk waris yang mengiringi pesakit (Anjung Kasih), pembinaan 7 buah pusat kanser serta 185 buah Klinik 1Malaysia di seluruh negara.

Selain itu, rakyat juga telah menikmati faedah daripada pembinaan 4 persimpangan bertingkat baharu di Lebuhraya Utara Selatan dan pemansuhan 7 plaza tol. Di samping itu, sebanyak 4,931 buah Sekolah Kebangsaan, 4,225 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, 836 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, 440 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, 1,106 buah Sekolah Agama Rakyat dan 78 buah Maktab Rendah Sains MARA di seluruh Malaysia terus menerima pelbagai bantuan meliputi baik pulih, naik taraf dan kelengkapan sekolah.

Sekian, terima kasih.